


Rawat air larut resap atasi pencemaran

HULU SELANGOR: Rawatan air larut resap atau 'leachate' yang digunakan untuk 'merawat' sampah di Bukit Tagar dekat sini, dijangka mampu mengatasi masalah pencemaran air di Sungai Selangor.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk S Sothinathan, berkata rawatan yang diperkenalkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) itu mampu mengelak pencemaran sungai terutama di sekitar kawasan tapak pelupusan itu.

Menurutnya, JPS turut mengenakan beberapa syarat khususnya berkaitan dengan rawatan kumbahan dan sehingga kini pihak syarikat yang mengendalikan tapak pelupusan berkenaan sudah mematuhiinya.

"Setakat ini saya berpuas hati dengan cara pelaksanaan yang dibuat dan jika semuanya berjalan lancar



BINCANG...Sothinathan (kiri) berbincang sesuatu dengan Rosnani semasa lawatannya ke tapak pelupusan sampah Bukit Tagar, semalam.

mampu mengelakkan pencemaran di masa akan datang.

"Tapak pelupusan ini saya difahamkan mampu memuatkan kapasiti sehingga

120 juta tan sampah dan dijangka mampu bertahan sehingga 40 hingga 50 tahun.

"Justeru, orang ramai tidak perlu bimbang dan saya percaya ia tidak akan membawa

masalah kepada Sungai Selangor pada masa datang," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan di tapak pelupusan itu, di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah JAS, Datuk Rosnani Ibrahim dan Penasihat Persekitaran Kerajaan Negeri Sarawak merangkap, Dr James Dawos Mamut dan Pengarah Urusan, KUB- Berjaya Enviro, Chock Eng Tah.

Sothinathan berkata, kawasan yang dinaikkan taraf seluas 260 hektar itu mampu menerima kapasiti sampah sebanyak 1,500 tan sehari selain menjadi tapak pelupusan sampah pertama di semenanjung yang menggunakan kaedah itu.

"Air yang dirawat itu tidak terus lepaskan ke sungai tetapi ia disalurkan ke kawasan pertanian terlebih dulu sebelum dialirkan ke kawasan paya," katanya.